13. Enche Diamond Rajasingam Daniel,
Anglo Chinese Secondary School,
Jalan Raya Barat,
Kelang,
Selangor.

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2014/0020444) – Fail Jawatankuasa Rukun Negara (JPN 221 Bhg. 3), bertarikh 19 Mac 1970.

# Fakta 14

## MESYUARAT PERTAMA, JAWATANKUASA RUKUN NEGARA, 31 MAC 1970

Mesyuarat kali pertama telah diadakan di Bilik Gerakan, Perbendaharaan Malaysia, Kuala Lumpur, jam 10.00 pagi. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAB Tun Tan Siew Sin. Antara kandungan Minit Mesyuarat kali pertama ialah cadangan Pengerusi agar ulangkaji dibuat semula baris demi baris ke atas draf Rukun Negara.

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2014/0020444) – Fail Jawatankuasa Rukun Negara (JPN 221 Bhg. 3), bertarikh 19 Mac 1970.



RAHSIA

COMMITTEE ON RUKUNEGARA

Minutes of the First Meeting held on Tuesday, 31st March, 1970, at 10.00 a.m. at the Treasury Operations Room, Kuala Lumpur.

YANG HADHIR

Y.A.B. Tun Tan Siew Sin (Pengerusi)
Y.B. Tan Sri Mohamed Ghazali bin Shafie
Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad
Tuan Leonard Linggi Anak Jugah
Y.B. Tuan Abdullah bin Dato A. Rahman
Tuan Kamarul Ariffin
Tuan Teh Thean Choo
Tuan Lee Siew Yee
Tuan D.R. Daniel

YANG TIDAK HADHIR

Y.B. Dato Harun bin Idris
Professor Dr. Syed Hussein Alatas
Y.B. Dato Athi Nahappan
Y.B. Puan Aishah Ghani

SETIA USAHA

Enche Mohamed Shah bin Hassan

YANG TURUT HADHIR

Dato Salleh bin Abas (Solicitor-General)
Enche Ramli bin Abdul Hamid
Enche G.K. Rama Iyer
Enche Zain Azraai bin Dato Zainal Abidin
Dr. Agoes Salim
Enche Khalil Akasah
Enche James P. Ongkili
Enche Khoo Kay Kim
Enche Salleh Yahya

..2

# Fakta 15
## KERTAS 'PILLARS OF THE NATION'

Rukun Negara telah dirangka berdasarkan tujuh tunjang utama yang telah dikemukakan melalui kertas '*Pillars of Nation*'. Antara tujuh (7) tunjang utama yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- ❑ Ketuhanan (*Belief in God or Supreme Being*)
- ❑ Kesetian (*Loyalty*)
- ❑ Keadilan (*Justice*)
- ❑ Kewarganergaraan (*Citizenship*)
- ❑ Keutuhan (*Integrity of the Nation*)
- ❑ Kebahgian (*Well-being*)
- ❑ Kesopanan (*Canons of Decency)*

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2014/0020855) - Fail Majlis Perunding, bertarikh 18 Oktober 1969 hingga 10 Januari 1970.

RAHSIA - SECRET FOR DISCUSSION TODAY

## PILLARS OF THE NATION

Ideology is a pattern of beliefs and concepts (both factual and normative) which purport to explain complex social phenomena with a view to directing and simplifying socio-political choices facing individuals and groups. (Dictionary of Social Sciences).

Whereas RUKUN NEGARA may be easily understood and appreciated by those with a command of Bahasa Malaysia, a NATIONAL IDEOLOGY is much more difficult to project. What is intended here is to set up a set of principles or rules by which this Nation will live. These principles may be regarded as the Pillars of the Nation. The Nation must be firmly established upon all the Pillars and if any one Pillar is damaged or broken, then the equilibrium will be affected and the Nation may collapse. It is therefore imperative that the Pillars, each and everyone of them, be guarded and defended and that no one try to so much as damage them. Anyone who violates this injunction is, therefore, guilty of an attempt to undermine the integrity of the NATION. It is, therefore, the duty of every citizen to protect the Pillars and, in so doing, strengthen them.

The survival of Malaysia as a nation will depend upon the united efforts of her citizens to uphold and support the ideals upon which this Nation has been established. The ideals or Pillars must, therefore, be inviolable. The following Pillars should be upheld as Rukun Negara:-

1. Ketuhanan (Belief in God or Supreme Being)
2. Kesetiaan (Loyalty)
3. Keadilan (Justice)

/2..

- 2 -

4. Kewarganegaraan (Citizenship)
5. Keutuhan (Integrity of the Nation)
6. Kebahagiaan (Well-being)
7. Kesopanan (Canons of Decency)

1. Ketuhanan (Belief in God or Supreme Being)

This Nation has been founded upon a firm and unshakeable belief in God. More important, it has been established as a sovereign Nation under God. Thus, both in times of peace and of tribulations this Nation places its hopes and faith in the divine hands of the Almighty.

This belief in God is demonstrated by the declaration (establishment) of Islam as the State religion. The proposition that this Nation exists under God is so important that the Yang di-Pertuan Agong and Their Royal Highnesses the Rulers are Heads of the Muslim religion.

While Islam is the State religion, all citizens are free to practise their religions in peace and harmony. This freedom of worship is assured to everyone. This freedom of worship also includes the freedom not to worship God. It allows the preaching of religion, save that no one is permitted, under law, to preach any other religion to a Muslim person than Islam. This freedom to preach or to spread any faith does not include the right to preach against God. In short, while the freedom of worship includes the freedom not to worship, it prohibits the preaching or advocacy against God or His Existence.

/...

# Fakta 16

## MESYUARAT KEDUA JAWATANKUASA RUKUN NEGARA, 17 MEI 1970

Mesyuarat diadakan di Bilik Gerakan, Perbendaharaan Malaysia, Kuala Lumpur, jam 10.00 pagi. Mesyuarat turut dihadiri oleh Profesor Dr. Syed Hussein Alatas. Ahli-ahli yang hadir telah mengkaji semula draf Rukun Negara dari perenggan ke perenggan.


19A

D R A F

RAHSIA

NATIONAL CONSULTATIVE COUNCIL

COMMITTEE ON RUKUNEGARA

Minutes of the Second Meeting held on Sunday, 17th May, 1970, at 10.00 a.m. at the Treasury Operations Room, Kuala Lumpur.

YANG HADZIR

Y.A.B. Tun Tan Siew Sin - (Pengerusi)

Y.B. Dato Harun bin Idris

Professor Dr. Syed Hussein Alatas

Y.B. Dato Athi Nahappan

Y.B. Tuan Aishah Ghani

Y.B. Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad

Tuan Leonard Linggi anak Jugah

Tuan Kamarul Ariffin

Tuan Lee Siew Yee

Tuan D.R. Daniel

YANG TIDAK HADZIR

Y.B. Tan Sri Mohamed Ghazali bin Shafie

Y.B. Tuan Abdullah bin Dato Abdul Rahman

Tuan Teh Theam Choe

YANG TURUT HADZIR

Enche Ramli bin Abdul Hamid

Enche G.K. Rama Iyer

Enche Mohd. Shah Hassan

Enche Salleh bin Yahya

The Chairman expressed his regrets for calling the meeting on a Sunday. He said that this was to enable Professor Dr. Syed Hussein Alatas to attend the meeting.

...2/-


- 2 -

The Chairman stated that members of the Committee who attended the first meeting had revised the draft Rukunegara as circulated. Since some members were not present then, this meeting was convened to reconsider the draft. He suggested that the Committee should go through the draft paragraph by paragraph.

Introduction:

Professor Syed Hussein said that he was very much in agreement with the view reached at the first meeting that the Introduction should not form part of the Rukunegara.

Page 1, para 1:

Professor Syed Hussein thought that an undue emphasis on conflict was not a healthy attitude at the present juncture of our history and that it was also doubtful whether there was really a conflict of social, cultural and economic values. He suggested that the words "and sometimes conflicting" be deleted and the word "aggravated" be substituted with the word "complicated". In his view, it was not correct to say that racial differences "aggravated" the differences in values.

Dato' Harun thought that there was no harm in using the words "sometimes conflicting" as this was a statement of the actual state of affairs.

After some discussion it was agreed:-

(i) that the words "multifarious and sometimes conflicting" be substituted with the word "diverse", and

(ii) the word "aggravated" be substituted with the word "complicated".

Commenting on the sentence "A further divisive factor is a distinct generation gap", Professor Syed Hussein said that in his

..3/-

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2014/0020444) - Fail Jawatankuasa Rukun Negara

# Fakta 17

## KERTAS PERTIMBANGAN MAGERAN

Kertas Pertimbangan ini disediakan oleh Jawatankuasa Rukun Negara bertujuan untuk mendapatkan persetujuan MAGERAN mengenai draf Rukun Negara (Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia), pindaan kepada perkataan 'Menjunjung Perlembagaan' kepada 'Keluhuran Perlembangaan' dan pertimbangan mengenai cara dan tarikh Rukun Negara akan diisytiharkan.

Jawatankuasa Rukun Negara telah mencadangkan agar Rukun Negara diberi penekanan mengenai kepentingannya. *"...menegaskan kepentingan dan memberinya tempat yang mulia, Rukun Negara ini harus diterbitkan sebagai Pengisytiharan Diraja dengan titah perintah bahawa semua warganegara hendaklah menerimanya (subscribe to) dan menjadikannya panduan dan bimbingan mereka dalam penghidupan mereka sama ada dalam perhubungan sosial, kebudayaan, ekonomi, mahupun perhubungan politik."*

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2014/0020444) - Fail Jawatankuasa Rukun Negara (JPN 221 BHG.3)



221 Bhg. 3

Kertas bagi pertimbangan Majlis Gerakan Negara

246

RUKUNEGARA

Tujuan

Tujuan Kertas ini ia-lah untok mengemukakan deraf Rukunegara bagi mendapat persetujuan Majlis Gerakan Negara dan juga untok mendapat persetujuan-nya tentang chara dan tarikh pengishtiharan-nya.

Deraf Rukunegara dalam Bahasa Kebangsaan dan Inggeris ada-lah di-lampirkan bersama2 ini.

Rukunegara ia-lah satu dokumen yang menerangkan chita2 dan tujuan2 negara dan prinsip2 yang akan menjadi panduan kapada semua pehak di-negeri ini dalam usaha2 menchapai chita2 dan tujuan2 itu serta dalam perhubongan di-antara satu sama lain.

Latar Belakang

Deraf pertama Rukunegara telah di-sediakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dengan kerjasama dan bantuan ahli2 Kumpulan Penaseh Penyelidekan (Research Advisory Group) dan pehak2 yang lain. Deraf itu telah di-binchangkan oleh Majlis Perundingan Negara dalam meshuarat-nya pada 27hb. – 28hb. Januari, 1970. Berikutan dengan perbinchangan itu deraf itu telah di-semak semula dengan memberi pertimbangan kapada shor2 dan pendapat2 yang telah di-kemukakan oleh ahli2 Majlis Perundingan Negara. Deraf kedua telah di-serahkan semula kapada Majlis Perundingan Negara di-meshuarat-nya pada 2hb. hingga 4hb. Mach, 1970 dan setelah membinchangkan-nya, Majlis telah melantek suatu Jawatankuasa-nya untok menghalusi dan membaiki deraf itu. Jawatankuasa itu yang di-pengerusikan oleh Y.A.B. Tan Tan Siew Sin telah menyempurnakan tugas-nya dan deraf yang di-persetujui-nya (dalam Bahasa Inggeris) telah di-kemukakan kapada Majlis Perundingan Negara dalam meshuarat-nya pada 16hb. hingga 18hb. Jun, 1970. Dalam meshuarat tersebut Majlis telah mempersetujui deraf dalam bahasa Inggeris dengan sedikit pindaan, sementara deraf dalam Bahasa Kebangsaan di-serahkan semula kapada Jabatan Perpaduan Negara untok di-

..2



siaran akhbar

di-terbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN.6/70/175(MPN)

KENYATAAN MAJLIS PERUNDINGAN NEGARA

Majlis Perundingan Negara telah mengeluarkan kenyataan berikut :-

Majlis Perundingan Negara bersidang pada hari Selasa 16hb, Rabu 17hb dan Khamis 18hb Jun, 1970 di-Bilek Meshuarat Dewan Negara, Bangunan Parlimen. Pengarah Gerakan, Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak bin Hussein, telah mempengerusikan persidangan.

Majlis telah membinchangkan dengan terus terang dan jujor masa'alah2 yang di-bentangkan di-persidangan itu. Majlis membahathkan deraf Rukunegara dalam bentok yang di-pinda yang di-sediakan oleh sa-buah Jawatankuasa khas Majlis itu. Meshuarat menerima Rukunegara terta'alok kapada pindaan2 yang tertentu. Rukunegara ini akan di-timbangkan oleh Majlis Gerakan Negara dan Jema'ah Menteri sa-belum ia-nya persetujui oleh Majlis Perundingan Negara pada persidangan-nya yang akan datang.

Majlis juga membinchangkan dan bersependapat bahawa peruntokan2 mustahak yang tertentu perlu di-maktubkan ka-dalam Perlembagaan. Peruntokan2 ini ada-lah berkaitan dengan Bahasa Kebangsaan, kedudokan istimewa orang2 Melayu dan Bumiputra2 yang lain, dan Kera'ayatan. Majlis bersetuju bahawa perkara2 yang mudah membangkitkan perasaan hendak-lah di-jauhkan daripada menjadi bahan kepentingan politik. Majlis bersetuju pada 'asa-nya bahawa Undang2 Hasutan hendak-lah di-pinda untok mengelakkan peruntokan2 ini di-persoalkan dalam perbinchangan2 atau menghasut supaya perkara2 ini tidak di-salahgunakan dengan sengaja yang akan membangkitkan perasaan perkauman.

Majlis membinchangkan dengan panjang lebar masa'alah2 besar mengenai kedudokan ekonomi yang tidak sa-imbang di-kalangan berbagai kaum terutama-nya di-kalangan orang2 Melayu. Majlis mengambil ingatan bahawa jurang perbedaan ekonomi yang boleh di-salahgunakan merupakan anchaman terhadap harmoni antara kaum dalam negara ini pada masa hadapan. Majlis juga mengkaji langkah2 bagi menchapai persaimbangan ekonomi, sosial dan pelajaran dalam negara ini. Majlis menimbangkan berbagai shor dan bersetuju bahawa pelajaran ia-lah satu faktor yang penting dalam membentok masharakat yang adil dan harmoni. Majlis juga bersetuju supaya usaha2 yang lebeh tegas hendak-lah di-jalankan untok menolong orang2 Melayu dan Bumiputra2 lain dan juga kaum2 yang lain yang mempunyai kedudokan ekonomi yang sama seperti orang2 Melayu untok membolehkan mereka menikmati faedah ekonomi dan perniagaan dalam negara ini. Chadangan2 membena yang tertentu telah di-kemukakan untok membaiki kedudokan ekonomi golongan miskin termasok chara2 melaksanakan-nya.

Majlis telah membinchangkan pada umum-nya masa'alah pengajian tinggi bagi orang2 Melayu dan Bumiputra2 yang lain dan perbinchangan ini akan di-sambong pada persidangan yang akan datang.

Pengerusi Majlis menguchapkan terima kaseh kapada Majlis atas sumbangan-nya yang telah mengemukakan pendapat dengan terus terang dan dengan perasaan baik dalam membinchangkan masa'alah2 penting mengenai negara. Pengerusi Majlis mengumumkan bahawa persidangan akan datang akan di-adakan pada 11hb hingga 13hb Ogos, 1970.

KUALA LUMPUR,
18hb Jun, 1970.

(di-keluarkan pada pukul 7.15 malam)

115

# Fakta 18

## KENYATAAN MAJLIS PERUNDINGAN NEGARA, 18 JUN 1970

Siaran akhbar, PEN.6/70/175 (MPN) ini dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia pada 18 Jun 1970, jam 7.15 malam. Siaran akhbar ini mengenai Mesyuarat kali kedua Majlis Perundingan Negara yang telah diadakan pada 16 hingga 18 Jun 1970, di Bilik Mesyuarat Dewan Negara, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur. Kenyataan yang dikeluarkan menyatakan bahawa draf Rukun Negara yang disediakan oleh Jawatankuasa Rukun Negara telah diperbahaskan dan diterima tertakluk kepada pindaan. Seterusnya draf ini akan dikemukakan kepada Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan Jemaah Menteri sebelum persetujuan dibuat oleh Majlis Perundingan Negara.

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2014/0020989) – Fail Kertas-kertas Majlis Perundingan



*Sekolah Menengah Tinggi Persekutuan*
(FEDERATION UPPER SECONDARY SCHOOL)
No. 9, JALAN UNGKU AHMAD, KG. MERDEKA,
BATU PAHAT, JOHORE.
TEL: B. P. 1156

36

Bil Surat

Tarikh

SALBIAH BT. AHMAD.
400, JALAN KLUANG,
BATU PAHAT,
JOHOR.
28hb Julai 1970.

SETIA USAHA MAGRAN,
KUALA LUMPUR,
SELANGOR.

Tuan,

Tolong kirimkan senaskah RUKUN NEGARA yang di-maksudkan oleh Tun Abdul Razak. Harap tuan dapat mengirimnya dengan segera.

Sekian terima-kaseh.

Yang Benar.
Salbiah Ahmad

# Fakta 19

## MEMOHON SENASKAH RUKUN NEGARA

Surat bertulisan tangan bertarikh 28 Julai 1970 ini ditulis oleh Salbiah bt. Ahmad yang beralamat No. 400, Jalan Kluang, Batu Pahat, Johor. Surat yang dikirimkan kepada Setiausaha MAGERAN ini memohon agar senaskah Rukun Negara dikirimkan kepada beliau dengan segera. Surat ini merupakan antara surat-surat yang dikirimkan oleh oleh orang perseorangan, persatuan dan pertubuhan yang ingin mendapatkan naskah Rukun Negara tanda sokongan kepada usaha ini.

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2014/0020444) - Fail Jawatankuasa Rukun Negara (JPN 221 BHG.3)

# Fakta 20

## KENYATAAN MAJLIS PERUNDINGAN NEGARA, 13 OGOS 1970

Siaran akhbar, PEN. 8/70/177(NCC) ini adalah mengenai mesyuarat kali keempat Majlis Perundingan Negara. Mesyuarat yang berlangsung pada 11 hingga 13 Ogos 1970 ini dipengerusikan oleh YAB Tun Abdul Razak bin Hussein, Pengarah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Mesyuarat ini, membincangkan rangka Rukun Negara dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Rangka Rukun Negara ini kemudiannya telah diluluskan dengan beberapa pindaan.

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2014/0020989) – Fail Kertas-kertas Majlis Perundingan



siaran akhbar

di-terbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN.8/70/177(NCC)

KENYATAAN MAJLIS PERUNDINGAN NEGARA

Majlis Perundingan Negara telah mengeluarkan kenyataan berikut pada pukul 5.15 petang ini, 13hb Ogos, 1970 :-

Majlis Perundingan Negara telah bersidang pada hari Selasa 11hb, Rabu 12hb dan Khamis 13hb Ogos, 1970 bagi kali keempat di-Bilek Meshuarat Dewan Negara, Bangunan Parlimen. Pengarah Gerakan, Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak bin Hussein, telah mempengerusikan meshuarat.

Majlis menerukan perbinchangan-nya mengenai rangka Rukunegara yang di-bentangkan di-meshuarat itu dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris dan telah menerima-nya sa-lepas membuat beberapa pindaan.

Majlis kemudian-nya membinchangkan laporan yang di-kemukakan oleh Jawatan-kuasa Ekonomi Majlis mengenai masa'alah2 kedudokan ekonomi antara-kaum yang ta' sa-imbang dan perpaduan negara. Majlis mengambil ingatan tentang shor2 yang berani, lengkap dan berkesan yang terkandong dalam laporan itu. Perbinchangan mengenai masa'alah2 itu berjalan dengan terus terang dan penoh minat, dan Majlis telah menerima dasar luas dan langkah2 'am yang di-kemukakan dalam laporan. Dalam hubong ini Majlis bersetuju merujokkan shor2 laporan itu kapada sa-buah panel pakar2 untok mengkaji dengan lebeh teliti lagi dengan tujuan supaya panel itu mengeshorkan langkah2 yang praktik dan melaksanakan beberapa shor itu berdasarkan keutamaan negara. Majlis sedar akan masa'alah2 serta kesan-nya kedudokan ekonomi antara-kaum yang ta'sa-imbang dan perlu-nya di-ambil tindakan2 segera dan berkesan untok memperbaiki-nya bagi merapatkan jurang perbedaan demi perpaduan negara. Sa-lain daripada itu, Majlis juga sedar akan masa'alah2 kurang pekerjaan dan kemiskinan di-kalangan semua kumpulan dan bersetuju mengambil langkah2 segera untok merapatkan jurang perbedaan di-antara "orang2 berada" dengan "orang2 tidak berada".

Untok memasokkan orang2 Melayu dan bumiputra yang lain dalam bidang ekonomi moden bagi menchapai penyertaan yang sa-imbang oleh semua ra'ayat Malaysia dalam kehidupan negara, Majlis merasa perlu mengubah dan memodenkan chara berfikir dan sikap pendudok2 luar bandar.

Pengerusi meshuarat mengucheapkan terima kaseh kapada ahli2 atas sumbangan mereka yang berguna kapada negara dan mengumumkan bahawa meshuarat akan datang akan di-adakan dalam bulan Oktober 1970.

TERBUKA

KUALA LUMPUR,
13hb Ogos, 1970. (di-keluarkan pada pukul 5.45 petang)

lhh

# Fakta 21
## KERATAN AKHBAR, 14 OGOS 1970

Keratan Akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu, diterbitkan pada 14 Ogos 1970.

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2014/0020444) - Fail Jawatankuasa Rukun Negara (JPN 221 BHG.3)



AT 14 OGOS 1970 — 12 JAMADIL — AKHIR 1390 KDN 4658

ASAS KPD PERPADUAN RAKYAT MALAYSIA

# Rangka Rukun Negara di-lulus

KUALA LUMPUR 13 OGOS

**MAJLIS Perundingan Negara (MAPEN) hari ini meluluskan rangka Rukun Negara sa-bagai "asas" kapada perpaduan rakyat ka-arah mengujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu dan jaya.**

Rangka tersebut di-luluskan sa-telah majlis itu bersidang tiga hari di-Bangunan Parlimen dengan di-Pengerusikan oleh Pengarah Mageran, Tun Abdul Razak.

Satu kenyataan yang di-keluarkan berkata: "Majlis meneruskan perbinchangan-nya mengenai rangka Rukun Negara yang di-bentangkan di-meshuarat itu dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris dan telah menerima-nya sa-lepas membuat beberapa pindaan."

Menurut kenyataan itu, sidang tersebut juga telah membinchangkan laporan yang dikemukakan oleh jawatankuasa mengenai keadaan ekonomi tidak sa-imbang antara kaum serta perpaduan negara.

Dasar umum mengenai charaII mengatasi

TUN RAZAK



# مجلس ڤروندیڠن لولسکن سوسنن روکون نڬارا

كوالا لمڤور 13 اوڬوس

مجلس ڤروندیڠن نڬارا هاري این تله ملولسکن سوسنن روکون نڬارا يڠ منجادي ايديولوجي كبڠسأن سته برسيدڠ سلام تيڬ هاري دباڠونن ڤارليمن.

سوسنن روکون نڬارا ایت يڠ تله دربڠكا دالم بهاس مليسيا دان بهاس اڠڬريس دان تله دتريما اوليه مجلس ڤروندیڠن نڬارا سته ممبوات بيراڤ ڤيندان.

ڤرسيدڠن تيڬ هاري ایت تله دڤروسيكن اوليه تيمبالن ڤردان منتري مرڠكڤ ڤڠاره مجلس ڬيرقن نڬارا تون عبدالرازق.

تون عبدالرازق

# Fakta 22

## KERATAN AKHBAR, 14 OGOS 1970

**Keratan Akhbar New Straits Times diterbitkan pada 14 Ogos 1970. 'GETTING TO GRIPS'**

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2014/0020444) - Fail Jawatankuasa Rukun Negara (JPN 221 BHG.3)



The Straits Times

Friday, August 14, 1970

GETTING TO GRIPS

The three day session of Malaysia's National Consultative Council, which ended yesterday, plainly got to grips with two basic questions on which broad national agreement must be reached before the resumption of parliamentary government is practical. The Council has accepted the draft of the Rukunegara (the national ideology) which it began to study in March, and on which a special committee of the Council has since been engaged. The principles were discussed at its meeting in June. It also accepted the report of its economic committee on the problems of the economic imbalance between the races. After a discussion which the Council's summary of the proceedings describes as "frank and lively," it referred the committee's recommendations to a panel of experts for the preparation of the necessary practical measures.

The Council is not as communicative as it was hoped it would be when it first met nearly seven months ago. But the progress made, the confidence which its discussions have engendered, and the area of agreement which has been reached by this very representative body of opinion, are as sound a guarantee as the Malaysian public could expect. The economic committee's recommendations are "bold, comprehensive and far reaching", said yesterday's statement. The principal problem in creating a balanced society, is how to ensure that the Malays and the other indigenous races can achieve their fair place in the commercial and economic life of the country, while also ensuring steps are taken to correct the inequality and poverty among all racial groups.

The Council's earlier discussion of constitutional issues which needed to be placed beyond political exploitation has been completed with the amendment of the Sedition Act. Published two days ago, the amendments provide new legal sanctions against the incitement of racial feeling. In effect the amendments ban the discussion of "sensitive issues". Although the NCC was not asked to approve the draft of this legislation, it discussed and agreed with the principles. It has always struck us as strange that at no time, including the heated and warming weeks of the electoral campaign last year, was there resort to the 1948 ordinance. Any tendency to promote feelings of ill-will and hostility between different races or classes has always been an offence. The ordinance has frequently been breached. But until the May riots the courts certainly could not assume that there were some constitutional questions which could not be discussed at all without exciting violent reactions.

The implementation of the rights, status, position or prerogatives of these sensitive provisions of the Constitution can still be discussed, and it will still be lawful to point out, with a view to their removal, any other matter which has a tendency to produce feelings of ill-will or enmity. But the new precision in the definition of sedition bids the reckless beware.



# Fakta 23
## TITAH DIRAJA



RUKUN NEGARA
MALAYSIA

PERISYTIHARAN
DYMM YANG DI-PERTUAN AGONG

DENGAN NAMA ALLAH, yang amat Pemurah, lagi Mengasihani. Segala Pujian bagi Allah, Seru sekalian Alam dan Rahmat serta Kesejahteraan Allah ke atas semua pesuruhNya.

Dan bahawasanya Malaysia ialah sebuah Negara merdeka dan berdaulat di kalangan Negara di dunia ini;

- Dan bahawasanya Malaysia ialah sebuah Negara yang masyarakatnya terdiri dari pelbagai kaum dengan pelbagai corak tradisi dan nilai hidup sosial dan kebudayaan;
- Dan bahawasanya rakyat Malaysia berusaha untuk mencapai perpaduan yang lebih erat untuk meninggikan kebajikan rakyat dan untuk menjamin keadilan masyarakat;

OLEH YANG DEMIKIAN DENGAN NAMA ALLAH yang amat Pemurah, lagi Mengasihani BETA TUANKU ISMAIL NASIRUDDIN SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ZAINAL ABIDIN, Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dengan ini mengisytiharkan serta menetapkan bahawa Negara kita hendaklah berdasarkan atas prinsip-prinsip yang bernama RUKUN NEGARA yang tersebut dalam jadual bersama ini.

16

RUKUN NEGARA
MALAYSIA

JADUAL RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil dimana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut;

- **Kepercayaan kepada Tuhan**
- **Kesetiaan kepada Raja dan Negara**
- **Keluhuran Perlembagaan**
- **Kedaulatan Undang-undang**
- **Kesopanan dan Kesusilaan**

KUALA LUMPUR
31 Ogos 1970

TUANKU ISMAIL NASIRUDDIN SHAH
Yang di-Pertuan Agong

17

*"OLEH YANG DEMIKIAN DENGAN NAMA ALLAH yang amat Pemurah lagi Mengasehani BETA, TUANKU ISMAIL NASIRUDDIN SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ZAINAL ABIDIN, Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dengan ini mengishtihar serta menetapkan bahawa Negara kita hendak-lah berdasarkan atas prinsip2 yang bernama RUKUNEGARA yang tersebut dalam Jadual bersama ini."*

**Rukun Negara diisytiharkan pada ulang tahun kemerdekaan yang Ke-13 oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Keempat, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin.**

Sumber: Arkib Negara Malaysia (Terbitan ANM) - RUKUN NEGARA MALAYSIA, 2017.

# Fakta 24
## WARTA PENGISYTIHARAN

**Pengisytiharan Rukunegara telah diterbitkan melalui Warta Kerajaan bertarikh 31 Ogos 1970 sebagai Pengistiharan Di-Raja. Rukun Negara diisytiharkan pada ulang tahun kemerdekaan yang ketiga belas.**

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2006/0012555) – Warta Kerajaan Malaysia, Jilid 14, No. 16-20, Tahun 1970.
`



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DI-TERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 14
Bil. 18

**31hb Ogos, 1970**

*TAMBAHAN No. 1*

No. 4023.

**PERISHTIHARAN**

DENGAN NAMA ALLAH, yang amat Pemurah, lagi Mengasehani. Segala Pujian bagi Allah, Seru sa-kalian Alam dan Rahmat serta Kesejahteraan Allah ka-atas semua pesuroh-nya.

DAN BAHAWA SA-NYA Malaysia ia-lah sa-buah Negara merdeka dan berdaulat di-kalangan negara di-dunia ini;

DAN BAHAWA SA-NYA Malaysia ia-lah sa-buah Negara yang masharakat-nya terdiri dari berbagai kaum dengan berbagai chorak tradisi dan nilaihidup sosial dan kebudayaan;

DAN BAHAWA SA-NYA ra'ayat Malaysia berusaha untok menchapai perpaduan yang lebeh erat, untok meninggikan kebajikan ra'ayat dan untok menjamin keadilan masharakat;

OLEH YANG DEMIKIAN DENGAN NAMA ALLAH yang amat Pemurah, lagi Mengasehani BETA, TUANKU ISMAIL NASIRUDDIN SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ZAINAL ABIDIN, Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dengan ini mengishtihar serta menetapkan bahawa Negara kita hendak-lah berdasarkan atas prinsip$^{2}$ yang bernama RUKUNEGARA yang tersebut dalam Jadual bersama ini.

JADUAL

RUKUNEGARA

BAHAWA SA-NYA, NEGARA KITA MALAYSIA mendukong chita$^{2}$ hendak—
menchapai perpaduan yang lebeh erat di-kalangan seluroh masharakat-nya;
memelihara satu chara hidup demokratik;

menchipta satu masharakat yang adil di-mana kemaamoran negara akan dapat di-nikmati bersama sechara adil dan saksama;

menjamin satu chara yang liberal terhadap tradisi$^2$ kebudayaan-nya yang kaya dan berbagai chorak;

membina satu masharakat progressif yang akan menggunakan sains dan teknoloji moden;

MAKA KAMI, ra'ayat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluroh tenaga dan usaha kami untok menchapai chita$^2$ tersebut berdasarkan atas prinsip$^2$ yang berikut—

Keperchayaan kapada Tuhan

Kesetiaan kapada Raja dan Negara

Keluhoran Perlembagaan

Kedaulatan Undang$^2$

Kesopanan dan Kesusilaan.

KUALA LUMPUR,
31 haribulan Ogos, 1970.
[PN. (P.U$^2$.) 27.]

TUANKU ISMAIL NASIRUDDIN SHAH,
*Yang di-Pertuan Agong*

## PROCLAMATION

IN THE NAME OF ALLAH, the Compassionate, the Merciful. Praise be to Allah, the Lord of the Universe and may the blessings and peace of Allah be upon his messengers.

AND WHEREAS Malaysia is a free independent and sovereign Nation among the nations of the world;

AND WHEREAS Malaysia is a multiracial society with diverse social and cultural traditions and values;

AND WHEREAS the people of Malaysia endeavour to achieve greater unity, to promote the public welfare and to ensure social justice;

NOW IN THE NAME OF ALLAH the Compassionate, the Merciful I, TUANKU ISMAIL NASIRUDDIN SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ZAINAL ABIDIN, the Yang di-Pertuan Agong of Malaysia do hereby proclaim and declare that our Nation shall be guided by the principles to be known as RUKUNEGARA specified in the Schedule hereto.

### SCHEDULE

### RUKUNEGARA

OUR NATION, MALAYSIA, being dedicated—

to achieving a greater unity of all her peoples;

to maintaining a democratic way of life;

to creating a just society in which the wealth of the nation shall be equitably shared;



to ensuring a liberal approach to her rich and diverse cultural traditions;

to building a progressive society which shall be oriented to modern science and technology;

WE, her peoples, pledge our united efforts to attain these ends guided by these principles—

Belief in God (Keperchayaan kapada Tuhan)

Loyalty to King and Country (Kesetiaan kapada Raja dan Negara)

Upholding the Constitution (Keluhoran Perlembagaan)

Rule of Law (Kedaulatan Undang$^2$)

Good Behaviour and Morality (Kesopanan dan Kesusilaan).

KUALA LUMPUR,
31st day of August, 1970.
[PN. (P.U$^2$.) 27.]

TUANKU ISMAIL NASIRUDDIN SHAH,
*Yang di-Pertuan Agong*

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN, KUALA LUMPUR, OLEH MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN,
PENANGGONG PENCHETAK KERAJAAN



Utk jadi panduan kapada rakyat — Seri Paduka

Lima prinsip Rukun Negara

Urusan2

# Fakta 25

## KERATAN AKHBAR, 1 SEPTEMBER 1970

**Prinsip Rukun Negara telah diisytiharkan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin pada sambutan Hari Kebangsaan, 31 Ogos 1970 bertempat di Padang Kelab Selangor.**

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2001/0018839) – Lima Prinsip Rukun Negara, Untuk Jadi Panduan Kepada Rakyat - Seri Paduka oleh Mohd Noor Shamsuddin.

# Fakta 26
## TITAH UCAPAN HARI KEBANGSAAN SERI PADUKA

Siaran Akhbar PEN. 8/70/263 ini diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia berhubung titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin bersempena dengan Hari Kebangsaan Ke-13 pada 31 Ogos 1970. Antara petikan titah tersebut ialah

***"Kerajaan Beta dengan nasihat dan kerjasama Majlis Perundingan Negara telah menggubal beberapa prinsip untuk menjadi panduan bagi kita dalam segala urusan kita dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Pada hari yang mulia ini Beta dengan sukacitanya mengisytiharkan prinsip-prinsip itu sebagai Rukun Negara bagi sekalian".***

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 1982/0004759) - Fail Jabatan Penerangan Malaysia.

siaran akhbar

di-terbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN. 8/70/263 (ISTANA-HARI KEBANGSAAN)

TITAH UCHAPAN HARI KEBANGSAAN SERI PADUKA

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyeru ra'ayat supaya mengamalkan Rukun Negara yang di-gubal oleh Majlis Perundingan Negara supaya dapat kita hidup dengan aman damai serta bergerak maju sa-bagai satu bangsa yang bersatu padu dan progresif.

Seri Paduka Baginda menyeru demikian dalam titah uchapan kapada seluroh negara menerusi Radio dan Talivishen Malaysia sempena Hari Kebangsaan Malaysia pada hari Isnin, 31hb. Ogos, 1970.

Seri Paduka Baginda bertitah, prinsip2 yang di-tegaskan dalam Rukun Negara ini ia-itu prinsip2 keperchayaan kapada Tuhan, kesetiaan kapada Raja dan negara, keluhoran Perlembagaan, kedaulatan Undang2, kesopanan dan kesusilaan hendak-lah di-jadikan panduan dalam segala urusan dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.

Sila ambil perhatian bahawa titah uchapan ini hanya boleh di-siarkan sa-lepas pukul 10.30 pagi pada 31hb. Ogos, 1970. Berikut ia-lah titah uchapan Seri Paduka sa-penoh-nya:-

Ra'ayat Beta yang di-kaseh,

31hb Ogos ada-lah satu hari yang bersejarah dan di-sambut dengan meriah oleh segenap lapisan ra'ayat Beta pada setiap tahun. Hari yang berbahagia ini ada-lah Hari Kebangsaan bagi bangsa dan Negara kita dan sangat-lah sesuai bagi ra'ayat Beta mengambil kesempatan pada hari ini untok membaharui ikrar ta'at setia mereka kapada Raja dan Negara.

Beta berasa shukor ka-hadrat Ilahi kerana dengan tindakan yang tegas serta dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Pengarah Gerakan, keadaan Negara kita telah beransor puleh saperti sediakala. Maka dengan sebab itu, Beta telah berkenan dengan chadangan Perdana Menteri Beta supaya Persidangan Parlimen di-adakan semula sa-bagaimana yang telah di-ishtiharkan oleh Perdana Menteri Beta itu. Sunggoh pun demikian, kita patut berhati-hati kerana sebarang peristiwa yang menchetuskan pertikaian di-antara kaum akan dengan segera menimbulkan huru hara di-dalam Negara yang kita kaseh ini. Oleh itu perlu kita memperkemaskan lagi peratoran hidup dan peratoran bermasharakat dengan berpegang kapada beberapa prinsip2 untok menjaminkan ketenteraman dan kemajuan Negara kita.

Kerajaan Beta dengan nasehat dan kerjasama Majlis Perundingan Negara telah menggubal beberapa prinsip untok menjadi panduan bagi kita dalam segala urusan kita dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Pada hari yang mulia ini Beta dengan sukachita-nya mengishtiharkan prinsip2 itu sebagai Rukun Negara bagi ra'ayat sekalian. Prinsip2 yang di-tegaskan dalam Rukun Negara ini ia-lah prinsip2 keperchayaan kapada Tuhan, kesetiaan kapada Raja dan Negara, keluhoran Perlembagaan, kedaulatan Undang2, kesopanan dan kesusilaan. Beta berseru kapada ra'ayat Beta sekalian mengamalkan Rukun Negara itu supaya dapat kita hidup dengan aman dan damai serta bergerak maju sebagai satu bangsa yang bersatu padu dan progresif.

(tambahan)

PEN. 8/70/263 (ISTANA-HARI KEBANGSAAN)
(tambahan 3)

Akhir-nya Beta berseru supaya ra'ayat semua hidup bersefahaman di-antara satu sama lain. Jadikan-lah prinsip2 dalam Rukun Negara itu sebagai panduan hidup ra'ayat sekalian.

Beta berdo'a moga2 Allah Yang Maha Kuasa akan melimpahkan Rahmat dan Rahim-Nya ka-atas Negara ini dan sekalian penduduk-nya.

Kuala Lumpur,
27hb, Ogos, 1970 (di-keluarkan pada pukul 12.30 t/hari)
tai.

========

# Fakta 27

## BUKU CENDERAMATA HARI KEBANGSAAN 31 OGOS 1970



**PERUTUSAN**

Saya berasa amat bangga menyampaikan perutusan ini mengambil sempena perayaan Hari Kebangsaan Malaysia yang juga ada-lah hari ulangtahun Kemerdekaan yang ketigabelas.

Penukaran nama "Hari Merdeka" menjadi "Hari Kebangsaan" ada-lah bertujuan untok menjadikan hari ulangtahun kemerdekaan Malaysia sebagai suatu hari yang dapat menyuborkan semangat kebangsaan, sesuai dengan chita-chita hendak mewujudkan suatu bangsa Malaysia yang bersatu padu dan aman ma'amor. Hari Kebangsaan hendak-lah di-jadikan suatu hari yang di-rayakan serta di-muliakan oleh semua ra'ayat Malaysia, dari apa golongan kaum, keturunan, ugama dan warna kulit. Hendak-lah ia di-jadikan hari yang paling agong dalam takwim atau kalendar kita semua, ra'ayat yang benar-benar chinta kepada tanah tumpah-darah-nya, Malaysia. Pada Hari itu, semua ra'ayat yang ta'at setia mesti-lah membaharui azam untok sunggoh2 berusaha kearah keamanan, perpaduan, kemajuan dan kebahagiaan negara Malaysia yang di-kasehi ini untok selama2-nya.

Malaysia ada-lah negara yang maseh muda dan sebagai sebuah negara yang sedang tumboh atau membangun, Malaysia telah di-goncang oleh berbagai pengaroh dan anchaman yang jahat dari masa kemasa. Namun demikian, dengan berkat doa ra'ayat yang sebilangan besar-nya menchintai keamanan, Allah Subhanahu-wata'ala telah, dengan limpah kurnia-Nya, merestui negara kita hingga dapat terus aman. Saya sentiasa berdoa kepada Allah agar negara Malaysia akan sentiasa di-bawah perlindongan-Nya dan saya harap tuan2 dan puan2 juga tidak akan surut daripada menjalankan segala usaha untok kebaikan negara dan ra'ayat Malaysia, dengan penoh tekad dan azam. Malaysia mesti-lah mempunyai faham kebangsaan-nya sendiri berasaskan persamaan chita2 dan kepentingan. Faham kebangsaan hendak-lah berlandaskan Rukunegara untok menjamin muhibbah, perpaduan dan kema'amoran.

Mari-lah kita semua berganding-bahu menggembelingkan segenap tenaga dan kuasa yang di-kurniakan Tuhan kepada kita untok menjadikan negara ini aman, ma'amor dan teguh.

Selamat merayakan Hari Kebangsaan.

(Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, K.O.M.)
Perdana Menteri Malaysia
merangkap
Pengerusi, Majlis Muhibbah Negara.

*Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, K.O.M., Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Perdana Menteri Malaysia, merangkap Pengerusi, Majlis Muhibbah Negara.*

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Penerimaan: 2013/00153896 – Buku Cenderamata Hari Kebangsaan.




Buku Cenderamata ini diterbitkan oleh Jawatankuasa Sambutan Perayaan Hari Kebangsaan sempena sambutan Hari Kebangsaan yang juga merupakan hari ulang tahun Kemerdekaan yang Ke-13. YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dalam perutusan Buku Cenderamata ini menegaskan bahawa,

*"Malaysia mestilah mempunyai faham kebangsaannya sendiri berasaskan persamaan cita-cita dan kepentingan. Faham kebangsaan hendaklah berlandaskan Rukun Negara untuk menjamin Muhibbah, perpaduan dan kemakmuran."*

# Fakta 28

## SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN, 31 OGOS 1970

DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin pada sambutan Hari Kebangsaan 1970 di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 1970.

Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, No. Rujukan: JAPEN52808_C2335





# Fakta 29

## SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN, 31 OGOS 1970

Para peserta yang mengambil bahagian dalam Sambutan Hari Kebangsaan 1970 di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 1970.

Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, No. Rujukan: JAPEN52810_C2337



# Fakta 30
## SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN, 31 OGOS 1970

Para peserta yang mengambil bahagian dalam Sambutan Hari Kebangsaan 1970 di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 1970.

Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, No. Rujukan: JAPEN52751_L4173

# Fakta 31
## IKRAR TAAT SETIA

Ikrar Taat Setia ini telah dibacakan beramai-ramai oleh 8,000 orang peserta yang mengambil bahagian dalam rapat Raksaksa Hari Kebangsaan di Padang Kelab Selangor pada 31 Ogos 1970. Pembacaan ikrar telah diketuai oleh Staf Sarjan Nordin.

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Penerimaan: 2013/00153896 – Buku Cenderamata Hari Kebangsaan.



IKRAR TA'AT SETIA

KAMI/RA'AYAT MALAYSIA/
BERIKRAR/BAHAWA KAMI/

PERCHAYA KAPADA TUHAN/
TA'AT SETIA/KAPADA RAJA DAN NEGARA/
PATOH KAPADA PERLEMBAGAAN/DAN UNDANG2/
RELA HIDUP/SABAGAI SATU BANGSA/

BAGI MENDUKONG/CHITA2 NEGARA/
UNTOK MENGEKALKAN/
PERPADUAN RA'AYAT/DAN MEMELIHARA/
MASHARAKAT YANG DEMOKRATIK/
ADIL DAN PROGRESIF/
MENURUT ALIRAN ZAMAN

# Fakta 32

## SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN, 31 OGOS 1970

Sebahagian daripada 8,000 orang peserta yang mengambil bahagian dalam bacaan ikrar sewaktu rapat Raksaksa Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 1970.

Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, No. Rujukan: JAPEN52745_L4168



# Fakta 33

## LAGU MUHIBBAH

Lagu Muhibbah merupakan lagu tema sambutan ulang tahun negara yang telah mencapai kemerdekaan yang Ke-13 pada 31 Ogos 1970. Pada sambutan tahun ini 'Hari Merdeka' telah ditukar kepada 'Hari Kebangsaan'. Penukaran ini bertujuan untuk menyubur semangat kebangsaan dan mencapai cita-cita untuk mewujudkan sebuah bangsa yang bersatu padu, aman serta makmur. 'Muhibbah dan Perpaduan' merupakan tema bagi sambutan Hari Kebangsaan pada tahun tersebut.

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Penerimaan: 2013/00153896 – Buku Cenderamata Hari Kebangsaan.




**LAGU MUHIBBAH**

MUHIBBAH, muhibbah
Itu-lah amalan kita semua
Muhibbah, muhibbah
Sejak sedari zaman purbakala.

Tunaikan-lah ikrar
Satu nusa, satu bangsa merdeka
Satu loghat dan satu suara
Dalam Malaysia Jaya. .

Junjong tinggi chita-chita bangsa
Hormati-lah Perlembagaan-nya
Mari-lah kita berganding tangan
Hapuskan-lah jurang perbezaan.

Muhibbah, muhibbah
Gema bersatu padu satu bangsa
Negara akan makmor bahagia
Dalam Malaysia Jaya.



RUKUNEGARA

BAHAWA SA-NYA NEGARA KITA MALAYSIA
mendukong chita₂ hendak

menchapai perpaduan yang lebeh erat di-kalangan seluroh masharakat-nya;
memelihara satu chara hidup demokratik;
menchipta satu masharakat yang adil di-mana kema'amoran Negara akan dapat di-nikmati bersama sechara adil dan saksama;
menjamin satu chara yang liberal terhadap tradisi₂ kebudayaan-nya yang kaya dan berbagai chorak;
membina satu masharakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknoloji moden;

MAKA KAMI, ra'ayat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluroh tenaga dan usaha kami untok menchapai chita₂ tersebut berdasarkan atas prinsip₂ yang berikut :-

**Keperchayaan kapada Tuhan**
**Kesetiaan kapada Raja dan Negara**
**Keluhoran Perlembagaan**
**Kedaulatan Undang₂**
**Kesopanan dan Kesusilaan**

# Fakta 34
## IKRAR RUKUN NEGARA

Ikrar Rukun Negara yang telah diterbitkan pada 31 Ogos 1970 oleh Jabatan Penerangan. Ikrar ini (20sm x 36sm) diedar dan digantung di semua Jabatan dan Agensi Kerajaan serta pertubuhan-pertubuhan dan sekolah-sekolah.

Sumber: Arkib Negara Malaysia (Terbitan ANM) - RUKUN NEGARA MALAYSIA, 2017.




# Fakta 35

## PERARAKAN HARI KEBANGSAAN, 31 OGOS 1970

**Sebahagian daripada peserta yang mengambil bahagian dalam perarakan sempena sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 1970.**

Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, No. Rujukan: JAPEN52869_HH838

# Fakta 36
## AKHBAR PEMBENA, 1 OKTOBER 1970

**Keratan akhbar Pembena pelbagai versi bahasa mengupas mengenai Rukun Negara**

Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2000/0025672 - Fail Kertas-kertas Majlis Perundingan Bagi Kali Kedua 2hb Mac hingga 4 Mac 1970.


PEMBENA

BERMULA—ZAMAN RAZAK

RUKUNEGARA

PERUTUSAN DARI MENTERI PENERANGAN DAN KEBUDAYAAN

PEMBENA

# Fakta 37

## BUKU RISALAH RUKUN NEGARA

**Buku Risalah Rukun Negara yang telah diterbitkan oleh Jabatan Penerangan pada hari pengisytiharan Rukun Negara. Buku risalah ini bersaiz 20sm x 28sm, setebal 20 halaman.**

Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 204/0020540 – Penyebaran Rukun Negara.



# Fakta 38
## PENGEDARAN RUKUN NEGARA

Pada 2 September 1970, mesyuarat berkenaan pengedaran Rukun Negara telah diadakan di Bilik Mesyuarat 704, Bangunan Parlimen. Mesyuarat telah dipengerusi oleh Dr. Agoes Salim, Ketua Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perpaduan Negara. Antara keputusan yang telah diambil di dalam mesyuarat tersebut ialah:

- Risalah dalam Bahasa Malaysia akan menjadi teks asli. Risalah-risalah dalam bahasa lain hanya merupakan terjemahan daripada teks tersebut;
- Semua cetakan dalam bahasa-bahasa lain hendaklah mengandungi bahagian 'Perisytiharan' dalam Bahasa Melayu;
- Perhimpunan-perhimpunan rasmi hendaklah digalakkan mengangkat ikrar Rukun Negara untuk menjadikan contoh kepada semua lapisan rakyat dan pertubuhan. Pada majlis pembukaan persidangan Parlimen dan Dewan-dewan Negeri yang pertama bagi tiap-tiap tahun, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri hendaklah bersama-sama mengangkat ikrar Rukun Negara;
- Antara perhimpunan-perhimpunan lain yang perlu digalakkan mengangkat ikrar Rukun Negara ialah perhimpunan di sekolah, mesyuarat agung tahunan persatuan-persatuan pekerja, persatuan-persatuan belia dan sebagainya. Universiti-universiti dan maktab-maktab serta lain-lain persekolahan tinggi hendaklah juga digalakkan mengangkat ikrar Rukun Negara dalam majlis-majlis yang mereka anggap sesuai; dan
- Disarankan kepada Kementerian Pelajaran supaya menyediakan sebuah buku teks tentang Rukun Negara untuk kegunaan di sekolah-sekolah khusus dalam mata pelajaran Tatanegara.

Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2014/0020993 - Fail Jawatankuasa Rukun Negara, Bhg. 3, Jilid II.

JABATAN PERPADUAN NEGARA
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

S U L I T

Minit Meshuarat Perbincangan Pengedaran
RUKUNEGARA
di-Bilik Meshuarat TOM, Bangunan Parlimen
hari Rabu 2.9.70 mulai pukul 10.00 pagi

Yang Hadzir:-

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Dr. Agoes Salim (Pengerusi) | - Jabatan Perpaduan Negara |
| 2. | Enche Azam bin Abdullah | - Jabatan Perdana Menteri |
| 3. | Enche Abd. Malik bin Yunus | - Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar |
| 4. | Enche Wan Sidek b. Wan Abdul Rahman | - Majlis Muhibbah Negara |
| 5. | Enche Sulaiman Aziz | - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan |
| 6. | Enche Wan Ismail bin Haji Wan Mahmood | - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan |
| 7. | Enche Ng Boon Khai | - Kementerian Penerangan dan Penyiaran |
| 8. | Enche Zainal Azman bin Zainal Abidin | - Kementerian Luar Negeri |
| 9. | Enche Ali Isa (Setiausaha) | - Jabatan Perpaduan Negara |

Antara keputusan2 yang telah di-ambil dalam meshuarat ini ada-lah seperti berikut:-

1. Dalam semua penerangan dan rujukan kandungan Rukunegara, risalah dalam Bahasa Malaysia ada-lah menjadi teks asli. Risalah2 dalam bahasa lain hanya merupakan terjemahan daripada teks tersebut.

...2/-

- 2 -

2. Semua percetakan risalah Rukunegara dalam bahasa2 lain hendak-lah mengandongi bahagian Perishtiharan dalam Bahasa Malaysia.

3. Bahagian Perishtiharan boleh di-edarkan dalam bentok scroll kapada jabatan2 dan sekolah2 untok di-gantong.

4. Untok penerangan lengkap kapada orang ramai tentang Rukunegara ada-lah mustahak melateh sa-kumpulan pegawai2 dari berbagai Kementerian/ Jabatan dan chawangan supaya mereka sunggoh2 chekap menghuraikan kandongan dan maksud dalam tiap2 bahagian Rukunegara. Kursus2 patut hendak-lah di-anjorkan oleh Jabatan Perpaduan Negara untok tujuan yang tersebut di-atas.

5. Bergantong kapada jenis pendengar (audience) sa-baik2-nya, mereka yang di-tugas menerangkan kandongan dan maksud Rukunegara hendak-lah terdiri dari pegawai2 kanan.

6. Penerangan lengkap berkenaan Rukunegara hendak-lah di-jadikan sebahagian daripada kursus2 anjoran mana2 kementerian atau jabatan kerajaan.

7. Peserta2 kursus tatanegara yang di-anjorkan oleh mana2 badan kerajaan hendak-lah mengangkat ikrar terkandong dalam Rukunegara dalam majlis pembukaan kursus2 tersebut.

8. Perhimpunan2 ramai hendak-lah di-galakkan juga mengangkat ikrar Rukunegara. Untok menjadikan chontoh kapada semua lapisan ra'ayat dan pertubohan ada-lah di-chadangkan supaya

...3/-

- 3 -

dalam majlis pembukaan persidangan Parlimen dan Dewan2 Negeri yang pertama bagi tiap2 tahun, Ahli2 Parlimen dan Dewan Negeri akan bersama2 mengangkat ikrar Rukunegara.

9. Antara perhimpunan2 lain yang perlu di-galakkan mengangkat ikrar Rukunegara ia-lah perhimpunan di-sekolah2, meshuarat agong tahunan persatuan2 pekerja, persatuan2 belia, dan sebagai-nya. Universiti2 dan maktab2 serta lain2 persekolahan tinggi hendak-lah juga di-galakkan mengangkat ikrar Rukunegara dalam majlis2 yang mereka anggap sesuai.

10. Akan di-sarankan kapada Kementerian Pelajaran supaya di-sediakan sa-buah buku teks tentang Rukunegara untok kegunaan di-sekolah2 khusus dalam mata-pelajaran tatanegara.

11. Jabatan Radio dan Talivishen hendak-lah di-hubongi supaya merancangkan satu siri khas mengenai Rukunegara. Antara lain yang di-fikirkan baik ia-lah mengadakan forum bersoal jawab tentang Rukunegara dalam talivishen.

12. Kesemua badan2 ugama akan di-hubongi supaya memberi kerjasama menerangkan tentang Rukunegara.

13. Perkara penerangan dan pengedaran Rukunegara akan di-kemukakan juga dalam meshuarat Pegawai2 Daerah anjoran Majlis Gerakan Negara yang akan berlangsong pada 9hb. September, akan datang.

...4/-

- 4 -

14. "Talking Point" tentang Rukunegara sebagaimana yang di-sediakan oleh Kementerian Penerangan dan Penyiaran untok kegunaan Pegawai2 Penerangan akan di-kemukakan kapada Jabatan Perpaduan Negara untok semakan dan ulasan.

15. Kementerian Penerangan dan Penyiaran bertanggong-jawab mengedarkan naskhah2 murah kapada orang ramai. Peruntokan wang yang di-kehendaki boleh-lah di-buat melalui Jabatan Perpaduan Negara untok mendapat keutamaan dari Perbendaharaan.

# Fakta 39

## CADANGAN PENDUDUK KAMPUNG PARIT HAJI

**Minit mesyuarat Jawatankuasa Perang Saraf Bil. 19/70 pada 20 Oktober 1970 mencatat perkara berkaitan Rukun Negara. Perkara tersebut ialah mengenai cadangan Penduduk dari Kampung Parit Haji, Batu Pahat, Johor supaya Rukun Negara dijadikan sumpah bagi tiap angkatan Muda di sekolah.**

Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2014/0020993 – Fail Jawatankuasa Rukun Negara, Bil.19, Bah. 3, Jilid II







Jabatan Perpaduan Negara

Talipon: 27781 ■ Kawat: Sepadu Kualalumpur
UREA: SULIT 221 Bhg 3(A)

Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur
24hb November, 1970.

**Kapada Semua Pegawai2 yang terchatit di-bawah ini.**

..........................
..........................
..........................

Penerangan Mengenai Rukunegara

Ada-lah di-persetujui bahawa Kementerian Penerangan dan Kebudayaan bertanggongjawab mengedar, menghebah dan memberi penerangan berkenaan dengan Rukunegara kapada orangramai. Oleh kerana itu Kementerian Penerangan berchadang mengadakan satu seminar-kursus bagi pegawai2 kanan-nya khusus mengenai isi dan maksud Rukunegara pada 28, 29 dan 30hb Disember, 1970.

2. Kumpulan pegawai2 kanan ini-lah yang akan menjadi teras memberi penerangan kapada kumpulan2 orangramai serta melateh dan menerangkan kapada pegawai2 luar-nya yang lain dalam Jabatan Penerangan.

3. Dalam usaha menganjorkan seminar-kursus tersebut Kementerian Penerangan memerlukan bantuan dan kerjasama daripada mereka yang betul2 faham akan kandongan dan maksud Rukunegara. Jabatan Perpaduan Negara telah di-hubongi dan Jabatan ini menamakan tuan2 dan puan sebagai mereka yang layak betul untok menjayakan peranan terbaru tadi.

4. Oleh itu di-harap tuan2 dan puan akan meluangkan masa pada tarikh2 tersebut untok memberikan bantuan dan kerjasama kapada Kementerian Penerangan. Sumbangan perkhidmatan dan jasa-baik tuan2 dan puan sangat-lah di-hargai. Di-dahului dengan uchapan terima kaseh.

DR AGOES SALIM
b.p. Ketua Setiausaha Kerja.

1. Encho Zain Azraai,
Kementerian Luar Negeri,
WISMA PUTRA.

2. Encho Khoo Kay Kim,
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya.

3. Encho G.K. Rama Iyer,
Unit Perancangan 'Am,
Bangunan Parlimen,
Kuala Lumpur.

4. Encho C. Selvarajah,
Peti Surat No. 7,
Kuala Lumpur.

5. Che' Khatijah binti Ahmad,
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Peti Surat 154.

6. Encho Hashim bin Yeop Sani,
Pejabat Peguam Negara,
Kuala Lumpur.

7. Encho James P. Ongkili,
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya.

# Fakta 40

## PENERANGAN MENGENAI RUKUN NEGARA

Surat daripada Jabatan Perpaduan Negara mengenai Rukun Negara, bertarikh 24 November 1970. Melalui surat ini, Kementerian Penerangan dan Kebudayaan bertanggungjawab untuk mengedar, menghebah dan memberi penerangan berkaitan Rukun Negara kepada orang ramai.

Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2014/0020993 – Fail Jawatankuasa Rukun Negara, Bil.19, Bah. 3, Jilid II

# Fakta 41
## PENERANGAN MENGENAI RUKUN NEGARA

YB Menteri Penerangan dan Kebudayaan, Dato Hamzah bin Haji Abu Samah berucap kepada Pegawai-pegawai dan Penolong-penolong Pegawai Penerangan dari Seluruh Malaysia yang menghadiri penerangan tiga hari mengenai Rukun Negara di Bilik Persidangan, Kementerian Penerangan dan Kebudayaan, Angkasapuri, Kuala Lumpur pada 28hb Disember 1970.



Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0039538

# Fakta 42
## SURAT PEKELILING IKHTISAS RUKUN NEGARA

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1971 bertarikh 12 Januari 1971 ini dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran kepada seluruh pegawai pelajaran di seluruh negara. Pekeliling ini mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran berhubung dengan perkara menjadikan pengajaran Rukun Negara lebih berkesan. Antara cadangan yang digariskan ialah

- Menyemak semula pelajaran Siviks dengan memasukkan elemen Rukun Negara;
- Menjadikan aspek-aspek Rukun Negara sebagai tema atau tajuk perbincangan dalam perjumpaan Kelab dan persatuan sekolah;
- Mengubah lagu Rukun Negara untuk nyanyian para pelajar sekolah.

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2014/0020992) – Rukun Negara- Penerangan -221 Bhg. 3A.

(23)

Ref: K.P.8609/1/(3)

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

12hb Januari, 1971

Ketua Pegawai Pelajaran,
Semua Negeri,
Malaysia Barat.

Pengarah Pelajaran,
Sarawak/Sabah. (dengan mel udara)

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/1971

RUKUNEGARA

Sa-bagaimana yang tuan2 ketahui Rukunegara telah di-ishitharkan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 31hb Ogos, 1970.

2. Kementerian Pelajaran telah memutuskan bahawa semua sekolah di-Malaysia hendak-lah berusaha dengan segala upaya yang boleh untok menanamkan chita2 unggul Rukunegara ka-dalam jiwa kanak2 kita di-sekolah. Semangat dan amalan lima prinsip itu perlu di-tegaskan ketika mengajar Rukunegara.

3. Berikut ia-lah beberapa chadangan bagaimana Rukunegara boleh di-ajar:-

(i) Guru Besar2/Pengetua2 boleh-lah berchermah berkenaan pelbagai aspek Rukunegara di-Perjumpaan Mingguan Sekolah.

(ii) Dalam pelajaran Sivika (dari darjah empat hingga Tingkatan Enam) guru2 boleh menghurai chara2 mengamalkan pelbagai aspek Rukunegara itu.

(iii) Aspek2 Rukunegara boleh di-gunakan sa-bagai thema atau tajok2 untok perbinchangan di-perjumpaan2 kelab dan persatuan sekolah.

(iv) Jika sekolah2 menchetak buku2 rampaian mereka sendiri, Rukunegara boleh-lah di-chetak di-muka sa-belah dalam kulit hadapan buku itu.

4. Guru Besar2/Pengetua2 hendak-lah chuba:-

(i) mendapatkan beberapa poster Rukunegara untok pejabat2, dewan sekolah, bilek2 darjah dan bilek2 guru mereka daripada Jabatan Penerangan dan Kebudayaan Negeri. Poster ini hendak-lah di-masokkan dalam frame dan di-gantong di-tempat2 yang di-sebut itu.

(ii) mendapatkan buku2 kechil penerangan yang chukop daripada Pejabat Penerangan untok menentukan supaya semua guru2 di-sekolah itu betul2 faham dan mahir dengan Rukunegara.

(iii) menggalakkan murid2 membuat poster2 ukoran besar untok di-pamirkan dalam bilek2 darjah mereka sendiri. Satu salinan Rukunegara ada-lah di-sertakan bersama surat pekeliling ini.

5. Kementerian Pelajaran juga sedang mengambil langkah2 berikut untok menjadikan pengajaran Rukunegara itu lebeh berma'ana lagi:-

(i) Sukatan Pelajaran Sivika sedang di-semak sa-mula untok memasokkan Rukunegara;

S
13/1/71

13/1

Cont/...2

- 2 -

(ii) Pusat Alat Pengajaran Pandang Dengar, Kementerian Pelajaran sedang menyediakan charta2 untok Sekolah2.

(iii) Sa-buah lagu sedang di-gubah untok Rukunegara supaya Rukunegara juga boleh di-nyanyikan oleh murid2.

Saya yang menurut perentah,

(Kum Boo)
Bahagian Sekolah2,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

s.k. S.U.S. kepada Y.B.M.
Y.B. Setia Usaha Parlimen
K.S.K.

K.P.P.

T.K.S.K.

T.K.P.P.

Pengarah (Latehan Guru2) - 15 salinan.

Ketua Nadzir - 15 salinan.

Semua Ketua Bahagian.

Setia Usaha Kerja,
Jabatan Perpaduan Negara,
Bangunan Parlimen,
Kuala Lumpur.

Ketua Setia Usaha,
Kementerian Penerangan dan Kebudayaan - 5 salinan.
Angkasapuri,
Kuala Lumpur.

Setia Usaha Kerja,
Majlis Muhibbah Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Kuala Lumpur.

KB/rt



# Fakta 43

## CERAMAH RUKUN NEGARA

**YB Tan Sri Ghazali Shafie sedang memberi ceramah Rukun Negara sempena Majlis Mesyuarat Agong ke - 10, Kesatuan Kakitangan Jabatan Penerangan di Dewan Sharifah Rodziah, 1971.**

Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0054152

# Fakta 44

## SURAT PENGHARGAAN PERDANA MENTERI

Surat bertarikh 24 Mei 1971 ini merupakan surat daripada YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussain, Perdana Menteri Malaysia kepada ahli Majlis Perundingan Negara. Surat ini menyampaikan perhargaan kerajaan kepada ahli-ahli Majlis Perundingan Negara atas segala sumbangan yang telah diberikan. Antara kandungan surat ini ialah:

*"Sumbangan-sumbangan Majlis Perundingan Negara Khas-nya terhadap melahirkan Rukun Negara adalah merupakan sumbangan yang paling besar. Sepertimana yang sedia maklum, prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara itu telah mendapat sambutan dari rakyat dengan amat memuaskan."*

Sumber: Arkib Negara Malaysia (No. Penerimaan: 2014/0020990) – Majlis Perundingan



amat Taligerap—PERDANA
Nombor Talipon—84432 dan 88288

PERDANA MENTERI MALAYSIA

110

Kuala Lumpur

24hb Mei, 1971.

MAJLIS PERUNDINGAN NEGARA

Terlebeh dahulu saya ingin menyampaikan penghargaan saya bagi pehak Kerajaan kapada di-atas segala sumbangan yang telah di-berikan kapada Majlis Perundingan Negara dahulu.

2. Sekarang ini oleh kerana Negara telah pun puleh saperti sediakala dan kita telah kembali kapada pemerentahan sa-chara demokrasi berparlimen, maka Majlis Gerakan Negara serta Majlis Perundingan Negara telah di-bubarkan. Apa yang ingin saya nyatakan di-sini ia-lah sunggoh pun Majlis Perundingan Negara telah di-bubarkan, segala yang di-hasilkan oleh Majlis Perundingan Negara dahulu tetap tidak akan di-lupakan oleh Negara.

3. Sumbangan2 Majlis Perundingan Negara khas-nya terhadap melahirkan Rukun Negara ada-lah merupakan sumbangan yang paling besar. Sapertimana yang sedia ma'alom, perinsip2 yang terkandong di-dalam Rukun Negara itu telah mendapat sambutan dari ra'ayat dengan amat memuaskan. Segala perinsip2 itu akan menjadi pegangan dan panduan bagi kehidupan kita sa-hari2 untok menuju ka-arah pembentokan suatu masharakat yang padu lagi ma'amor. Garis2 bimbingan ini-lah juga yang akan menjadi pedoman bagi jenerasi kita yang akan datang. Maju mundor-nya Negara ini bergantong kapada perinsip2 yang di-hasilkan itu. Berdasarkah kapada hakikat2 ini, maka saya berpendapat sa-sunggoh-nya ini-lah satu2-nya kejayaan yang patut di-banggakan oleh sa-tiap anggota Majlis Perundingan Negara.

4. Akhir-nya saya mengambil kesempatan untok menguchapkan sekali lagi berbanyak2 terima kaseh kapada semua anggota Majlis yang telah berkerjasama dengan memberi buah2 fikiran yang konstruktif. Ada-lah di-harapkan semangat yang di-tunjokkan itu akan senantiasa dapat di-teruskan pada masa2 yang akan datang.

( TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSAIN )
Perdana Menteri Malaysia.

s.k:
Enche Ibrahim Ali
Jabatan Perpaduan Negara,
Jalan Dato Onn,
KUALA LUMPUR.



# Fakta 45

## SEMINAR RUKUN NEGARA

YAB Perdana Menteri, Tun Abdul Razak bin Hussain, merasmikan pembukaan Seminar Rukun Negera di Sekolah Menengah Perempuan Methodist, Kuala Lumpur pada 20 Ogos 1971. Seminar tiga hari itu merupakan anjuran  Majlis Kebangsaan Perkumpulan Perempuan.

Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0040383

# Fakta 46
## BUKU TATA RAKYAT

Buku Tata rakyat untuk Darjah Lima ini ialah buku kedua dalam siri tiga buah buku Tata Rakyat bagi sekolah rendah di Malaysia. Buku yang diterbitkan pada bulan Oktober 1973 ini ditulis berdasarkan kepada sukatan pelajaran terbaru.

*"Tujuan utama buku ini ialah mendidik kanak-kanak menjadi rakyat yang bertanggungjawab sesuai dengan cita-cita negara seperti yang tercatit dalam Rukun Negara."*

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka, No. Kod Bar: 01000212267






KANDUNGAN



Pelajaran 25

Yang Dipertuan Agung

The *Rukun Negara*, Sir, that is placed before us, in my view, seems to be an attempt to invite us at the first fundamentals first. On the face of it, it looks like a first lesson on civics. But there is more in it that it meets the eye. The saddest thing in our country is that most of these first fundamentals have not been fully recognized or understood or practised or respected, so much so that not long ago a legislation had to be passed by Parliament compelling people to respect the National Anthem and the National Flag and this Act, Sir, was passed before the Emergency and after ten years of Merdeka. It was a shame on the Nation that we had to pass this Act itself. There was no need to pass this Act, yet we had to do it, because there were ominous signs on the wall that instead of national unity being cemented, national unity was, in fact, appearing to disintegrate into rigid racialism and chauvinism. We tried to heed the warning on the wall. We had National Solidarity Weeks as a way of countermanding it, but it did not produce adequate or satisfactory results. But forces were at work that led to the crescendo on May 13. That shook the very foundation of the Nation and the fundamentals we believe in, and were committed to, as you, Sir, pointed out this morning.

I agree with many of the views that were expressed here as to the necessity of recognizing the basic fundamentals first and giving them due implementation. I do not wish to be pedantic about semantics in the document itself. In fact, the second draft is a great improvement on the first draft. It sets out neatly the objectives and the approach to the objectives, and even in the language and the contents it is a great progress from the previous document that has been prepared.

There are certain principles mentioned in the *Rukun Negara* document. The imbalance of the society has been recognized in the words of the weak and the disadvantaged and the necessity to enable them to compete on equal terms with the

# Fakta 47

## PETIKAN KATA DATO ATHI NAHAPPAN

*"The Rukun Negara, Sir that is placed before us, in my view, seems to be an attempt to invite us at the first fundamental first. On the face of it, it looks like a first lesson on civics. But there is more in it that it meet the eye. The saddest thing in our country is that most of these first fundamentals have not been fully recognized or understood or practised or respected, so much so that not long ago a legislation had to be passed by Parliament compelling people to respect the National Anthem and the National Flag and this Act, Sir was passed before the Emergency and after ten years Merdeka".*

*Dato Athi Nahappan*
*Perbahasan Di Dewan Negara, Persidangan Mesyuarat Kali Kedua, 2 Mac 1970*

Sumber : Kertas-Kertas Majlis Perundingan Bagi Kali Yang Kedua 2HB Mac Hingga 4HB Mac 1970 - 2000/0025672


13

(3)

governed. I interpret this Council, Sir, to be not only the symbol of Meshuarah within the nation but also hopefully to be a functional effective medium. The Rukun Negara, Sir, when it finally emerges, will be a document produced by this Council. It is not a document produced by the Government in power, it is not a document produced by any political party but, in short, it is a document which will be produced by all Malaysians for all Malaysians. As such, I feel that the previous approach of an appeal or a call is a superior and correct approach.

The new Preamble on the other hand, is pedantic. Self-criticism is gone, commitment to look afresh, commitment for a change is gone. The first page of the Preamble gives one the impression that everything was right, that everything was going on very smoothly until suddenly out of the blue came this anti-national element and wrecked everything.

As a document, Sir, coming from a Council composed of all Malaysians sitting as one not in rigid party lines, I feel it is guilty of untruth: we shall be accused of being guilty of getting together here and then adopting an ostrich life - refusal to recognise what is happening. The approach, Sir, has taken a 180-degree turn. It is no longer by way of an appeal, it is no longer by way of a call, it is now one of rebuke. I feel, Sir, it is a wrong approach.

In addition, I would like also to comment on one or two sentences in the new Preamble. One is the last sentence in the first paragraph which says, "A further divisive factor is a distinct generation gap." As it stands, I think, the sentence requires clarification, it requires simplication, it requires to be defined. Otherwise this sentence as it stands is vulnerable to criticism from both ends of that gap for precisely different reasons. I do not wish to interpret it, Sir, but I think it would be a good idea if it could be explained. The other sentence says, "We are convinced that in our very diversity lies our strength and the uniqueness of Malaysia in the family of nations." The first draft of the preamble very sensibly said, "We aspire to a society in which diversity is an asset and a source of strength." To be convinced about it, I think, is untrue. "To aspire to a society in which diversity is an asset" is, I think, a laudable sentiment.

# Fakta 48

## PETIKAN KATA TUAN RASLAN BIN DATO ABDULLAH

*"..The Rukun Negara, Sir, when it finally emerges, will be a document produced by this Council. It is not a document by any political party but, in short, it is not a document produced by any political party but, in short, it is a document which will be produced by all Malaysian for all Malaysians. As such, I feel that the previous approach of an appeal or a call is a superior and correct approach.."*

*Tuan Raslan bin Dato Abdullah*
*Perbahasan Di Dewan Negara, Persidangan Mesyuarat Kali Kedua, 2 Mac 1970.*

Sumber: Kertas-Kertas Majlis Perundingan Bagi Kali Yang Kedua 2HB Mac Hingga 4HB Mac 1970 - 2000/0025672

# Fakta 49

## PETIKAN KATA YB TUAN ABDULLAH BIN DATO ABDUL RAHMAN

*".. since all our non-Malay friends here have agreed that there is nothing wrong with the Malays having the rights in the Constitution and they agree with the Rukun Negara, then I feel that we should be discussing really the question of hoe we are going to implement what our friends, the Chinese, have agreed. Thank you Sir."*

*YB Tuan Abdullah bin Dato Abdul Rahman*
*Perbahasan Di Dewan Negara, Persidangan Mesyuarat Kali Kedua, 2 Mac 1970.*

Sumber : Kertas-Kertas Majlis Perundingan Bagi Kali Yang Kedua 2HB Mac Hingga 4HB Mac 1970 - 2000/0025672

36

(3)

do get a lot of things. But this our Information Service has failed to get across. The Information Service has to pay special attention to these non-Malays. We have to get them to accept and to appreciate certain things that are being done by the Government. This is not being done.

Mr. Chairman, Sir, since all our non-Malay friends here have agreed that there is nothing wrong with the Malays having the rights in the Constitution and they agree/~~that~~ with the Rukun Negara, then I feel that we should be discussing really the question of how we are going to implement what our friends, the Chinese, have agreed. Thank you, Sir.

Tuan Pengerusi: It is almost 1.00 o'clock. I suggest we will adjourn now. But before we adjourn, I would like to explain to you my proposal about how we do our work in the next few days. We have had discussions over two and a half days on this Rukun Negara. If it is your wish that this Council should adopt this Rukun Negara, then quite clearly we have got to go into its details. We cannot discuss in detail this paper in a big Council like this. At the end of this meeting I intend to propose that we appoint a Committee. We will try and make the Committee as representative as possible which can go through this paper very carefully and then perhaps put it to us, so that it may be possible for us to adopt this, if that is your wish. I hope we can finish general discussions on this Rukun Negara this afternoon and tomorrow we can start on the Economic Paper, which is rather important. Also, I hope at the end of our general discussions , we could dissolve into a Committee too. It is necessary for some of us to do a lot of work on this, because we have got to go into the details and as a number of you have said that it is not only the policy, the general principle, but also its implementation is just as important. So, we may have to discuss the implementation aspect too. These are details which can only be discussed in a smaller group in Committee. So we may have to dissolve into a few Committees where we can discuss these. If you generally agree on this line, then I will make this proposal at the end of our meeting, so that in the next one or two

# Fakta 50
## VIDEO TERBITAN FILEM NEGARA DAN ARKIB NEGARA MALAYSIA

Rukun Negara sentiasa dijadikan asas dalam perpaduan negara. Semenjak pengenalannya dari tahun 1970 lagi, berbagai hebahan dan terbitan yang menerangkan pentingnya Rukun Negara telah dihasilkan, antaranya filem 'Ke Arah Perpaduan' yang diterbitkan oleh Filem Negara Malaysia (kini FINAS) pada tahun 1986 dan video pengisian Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS) terbitan Arkib Negara Malaysia pada tahun 2015.







Rukun Negara : Ideologi Nasional : https://www.youtube.com/watch?v=2nEshbj50NI
Ke Arah Peroaduan : https://www.youtube.com/watch?v=_v6hhEsayH4

# SEKALUNG BUDI

Ucapan terima kasih kepada semua yang telah membantu
menyediakan Buku 50 Fakta Rukun Negara ini

*Gambar-gambar dan video adalah daripada koleksi*

Arkib Negara Malaysia
Jabatan Penerangan Malaysia
FINAS

Ucapan penghargaan kepada
IPSB Technology di atas rekabentuk buku digital, pelancaran LIVE Streaming
& hosting laman web rn50.arkib.gov.my dengan sokongan daripada
Amazon Web Services (AWS)